

Pergerakan al-Yamani palsu di Iraq-Dajjal Basrah

- 1. Diasaskan oleh Ahmad bin Ismail bin Quwaita', berasal dari Basrah, lahir pada tahun 1968, seorang graduan kejuruteraan sivil dari universiti Basrah. Dia mendakwa dirinya daripada keturunan Imam al-Mahdi dan kadang-kadang mendakwa dialah Imam al-Mahdi. Pada hakikatnya dia adalah orang arab biasa dan bukan dari keturunan sayed.**
- 2. Baginya Imam al-Mahdi adalah daripada keturunan al-Hasan bin Ali. Justeru dia mengaitkannya dirinya dengan al-Hasan. Ini adalah bercanggah dengan fahaman Syiah bahawa Imam al-Mahdi as adalah daripada keturunan al-Husain bin Ali. Sementara dia sendiri tidak ada hubungan darah dengan mereka berdua as. Dia adalah Dajjal Basrah sebagai mana dikatakan oleh Syeikh Ali al-Kurani al-'Amili di dalam bukunya: Dajjal Basrah.**
- 3. Dia ditugaskan sebagai pengintip (spy) Saddam Husain di Hauzah Najaf. Dia tidak belajar di Najaf kerana Di Hauzah Najaf, menurutnya, tidak diajar al-Qur'an, lalu dia belajar sendiri di rumah. Ini adalah pembohongannya.**
- 4. Perselisihan faham dgn Haidar Musytit. Ahmad bin Ismail yang mendakwa sebagai sayyid Ahmad bin al-Hasan ini telah berselisih faham dengan Haidar Musytit kerana Haidar juga mendakwa dialah wakil Imam al-Mahdi. Kemudian Ahmad Ismail telah memberi uang yang banyak kepada Haidar hasil dari pemberian negra Imarat ,lalu Haidar membuat surat perjanjian mengakui Ahmad bin Ismail bin Quwaita' sebagai wakil Imam al-Mahdi. Setelah beberapa bulan, Haidar melanggar perjanjian itu, lalu mendakwa dialah al-Yamani wakil Imam al-Mahdi. Kemudian Haidar dibunuh dalam serangan bersenjata di Basrah.**
- 5. Sikap Ahmad al-Hasan terhadap ulama syiah amat kecewa sekali. Dia memusuhi mereka dengan mengatakan bahawa mereka adalah pembohong. Sepatutnya sebagai seorang anak Imam Mahdi atau wakilnya, dia harus menghormati ulama dan maraji' dan bukan bermusuhan dengan mereka.**
- 6. Sumber kewangannya adalah dari Imarah dan Saudi Arabia yang disokong oleh Amir Bandar bin Sultan bagi menimbulkan perpecahan di kalangan Syiah.**
- 7. Ahmad bin al-Hasan (Ismail) ini tidak menghafal al-Qur'an dan bercakap arab tidak betul nahunya menurut Ali al-kurani al-'Amili. Sepatutnya anak Imam al-Mahdi dan wakilnya pandai membaca al-Qur'an dengan fasih.**
- 8. Dakwah Ahmad bin Ismail ini adalah untuk Syiah sahaja dan bukan untuk semua mazhab. Sepatutnya dakwah anak atau wakil Imam Mahdi adalah umum bukan khusus. Inilah antara kebatilannya.**
- 9. Dia mengakui bahawa dia adalah seorang maksum. Oleh itu semua syiah harus mentaatinya.**

10. Kumpulan al-Yamani Iraq ini terlibat dengan jenayah pengebuman di Najaf dan Karbala bagi membunuh orang awam syiah. Inikah akhlak anak /wakil Imam Mahdi?
11. Sekarang ini Ahmad bin Ismail hidup dalam persembunyian kerana takut ditangkap dan mungkin dia berada di Tel Aviv.
12. Hanya mereka yang jahil di kalangan syiah akan terpengaruh dengan dakwaa ini.
13. Gerakan yang diketuai oleh Ahmad Ismail yang mendakwa dirinya sebagai al-Yamani ini adalah bertujuan memusnahkan perpaduan Syiah dan menyokong Israel dengan pakatan Sunni-Wahabi.
14. Apa yang anehnya Imam al-mahdi belum muncul, tetapi anaknya sudah muncul!
15. Lambang/ simbol yang digunakan oleh gerakan ini adalah bintang Daud seperti yang digunakan oleh Yahudi.
16. Dia telah menulis surat kepada Sayyid Ali Khomenei, waliyul faqih Iran supaya menyerahkan kuasa pemerintahan Iran kepadanya kerana dia adalah Imam Mahdi/ wakilnya. Dia juga telah menulis surat kepada maraji' Syiah yang lain tentang imamahnya.
17. Dia telah menukar nadi Ali kepada nadi Ahmad. Maka ia berbunyi: Naadi Ahmadan mazhara al-'Ajaib.
18. Solawatnya lebih panjang daripada solawat biasa syiah dengan menambah wa al-Aimmah al-Mahdiyyin.
19. Kembalilah kepada kebenaran mazhab Ahlulbait nabi saw dan bukan kepada Dajjal Basrah ini.
20. Ayatullah Sistani telah mengeluarkan fatwa tentang murtadnya Ahmad bin Hasan.